

13/01/2002

Malaysia bertindak tegas terhadap pengganas

Jamhariah Jaafar

MINGGU lalu kita dihebohkan dengan laporan Jane's Intelligence Review mengenai kaitan negara kita dengan pengganas yang turut terbabit dalam Tragedi 11 September di Amerika Syarikat tahun lalu. Apakah reaksi Malaysia?

Pada saya perkara ini tidak juga menjadi persoalan besar pada negara lain, jadi buat apa kita nak respond kepada laporan yang sekadar bersandarkan kepada kalau, kalau, kalau. Jadi jika kita kata kalau tidak ada laporan Jane's Intelligence, benda karut macam ini tak keluar, kalau tidak ada hutan, tidak akan haiwan, dan tidak akan ada pemburu... ini semua kalau...kalau dan kita tidak boleh bergerak jika masyarakat kita berasaskan kepada kalau.

Tapi laporan itu mengaitkan rangkaian al-Qaeda dengan beberapa kumpulan pergerakan Islam di sini dan Singapura. Adakah akan wujud kerjasama di kalangan negara Asean untuk memantau pergerakan kumpulan ini?

Sekarang jika kita ada maklumat yang kita anggap bermanfaat untuk kita, kita akan sampaikan kepada rakan-rakan Asean. Tapi di Malaysia ini kita cukup teliti. Seperti ada rangkaian al-Qaeda tetapi ia tidak menjadi sesuatu keadaan yang tidak dapat kita kawal atau tidak dapat awasi dengan baik. Sebab itu tidak timbul sebarang masalah di sini.

Singapura menangkap orang yang didakwa pengganas berasaskan maklumat yang mereka ada. Pada masa yang sama, kita dengan Singapura dari segi sejarah memang mempunyai hubungan rapat dan berkongsi dalam pelbagai perkara.

Maknanya ada ahli al-Qaeda di sini?

Mereka bukan ahli kumpulan al-Qaeda secara langsung, tetapi mempunyai rangkaian hubungan dengan al-Qaeda. Pada kita apabila kita tangkap orang ini, kita berpuas hati bahawa mereka mempunyai cara, kaedah dan dari segi rekod perjalanan, mereka ada hubungan dengan al-Qaeda.

Selepas kita berpuas hati bahawa mereka menjadi ancaman, maka kita ambil tindakan awal dan akan selidik seterusnya. Jika ada antara mereka yang tidak mempunyai bukti yang kukuh, kita akan bebaskan. Tapi kalau kita berpuas hati ada maklumat cukup, kita kena ambil tindakan supaya ia tidak menjadi ancaman kepada negara kita.

Bagaimana Datuk melihat kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, bahawa ahli Pas termasuk anaknya, Nik Adli, yang dianggap sebagai orang kecil, tidak munasabah jika dianggap sebagai ahli KMM?

Saya fikir, memang kumpulan ini adalah kumpulan sel (rangkaian) jika kita biarkan berkembang rangkaian ini akan beroperasi dalam kumpulan kecil dan mereka menggalakkan penggunaan senjata dan kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan secara tidak sah.

Sebab itu kita tangkap. Kita bukan tangkap ikut suka-suka hati atau kerana dia terbabit dalam mana-mana parti politik tetapi sebab dia menjadi ancaman.

Bagaimana pula Datuk melihat kedudukan pelajar di luar negara terutama di Timur Tengah dan Pakistan yang ramai terbabit secara serius dalam pergerakan Islam.

Kita tidak boleh label mereka disebabkan mereka mengambil pengajian Islam. Kalau kita buat macam itu, kita juga sama dengan orang yang sentiasa melabel kita. Kita tidak hendak orang ini yang mempunyai minat belajar dipengaruhi kumpulan ganas dan militan. Kita tidak hendak melihat orang menggunakan Islam untuk mendapat pengaruh dan sokongan. Jadi kita

kena ambil tindakan cepat.

Apapun masih ada negara yang cuba mengaitkan Malaysia dengan pengganas?

Saya fikir walaupun orang cuba kaitkan perkara dan tindakan negatif terhadap Malaysia, tetapi akhirnya terbukti pandangan dan tuduhan mereka tidak wujud dan tidak benar. Jadi akhirnya, perkara yang cuba merosakkan Malaysia, orang lihat ia adalah semata-mata tuduhan liar, melulu dan tidak mempunyai asas. Dan orang tengok kebenaran pegangan kita dan ketepatan prinsip kita.

Malahan sekarang, mereka berkata Malaysia is a country to watch, satu negara yang perlu dilihat walaupun kita dianggap sebuah negara Islam yang berjaya, progresif, dapat menyatukan masyarakat majmuk dengan keharmonian dan perpaduan.

Tapi kerana kita berjaya, jangan kita leka bahawa orang senang dengan kejayaan kita. Mungkin sekarang tidak ada lagi tuduhan kepada kita, tapi ia akan keluar lagi... maka kita perlu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan segala tuduhan yang dilempar pada kita.

Bagaimana Datuk melihat tragedi 11 September di Amerika Syarikat dan kesannya ke atas Malaysia?

Selepas kejadian 11 September, sikap dan persepsi negara dan dunia terhadap isu keganasan sudah berubah dan kita nampak ada kesegeraan untuk menangani isu keganasan sebagai isu antarabangsa. Tragedi itu menyaksikan keseluruhan negara Barat yang selama ini menekankan demokrasi, liberal, hak kebebasan dan hak individu kini melihat semula perkara itu dan melihat semula isu keganasan dalam konteks negara mereka.

Mereka melihat soal keganasan ini bukan hanya soal keganasan domestik, tetapi membabitkan rangkaian antarabangsa. Oleh itu, sokongan dan kerjasama erat, pertukaran maklumat, pengalaman dan operasi bersepadu diperlukan.

Memanglah, selepas kejadian 911 itu mereka tertumpu kepada soal Taliban dan al-Qaeda dan segala tindakan mereka berkisar di sekeliling persoalan memberhentikan Afghanistan daripada menjadi negara yang menyimpan atau mengizinkan kumpulan militan dan pelampau untuk bergerak dengan bebas di dalam dan luar negara.

Yang menjadi sasaran di sini ialah Afghanistan. Malaysia pula bersetuju keganasan perlu ditangani dan perlu dihapuskan dan ia adalah ancaman yang perlu dipandang serius. Pada masa yang sama dari segi pendekatan, kita lebih berminat ia diberi pendekatan secara menyeluruh atau holistic, dan kita kena tengok isu-isu lain.

Perkara ini perlu dibincang dengan cara teliti dan mendalam, supaya apa juga rumusan yang dapat kita buat untuk membanteras keganasan akan mempunyai kesan jangka panjang, bukan hanya membabitkan kejadian semasa, bukan dengan perasaan atau dendam. Kita kena tengok isu-isu pokok mengapa perkara itu berlaku dan pada masa yang sama kita perlu memastikan perkara ini tidak berulang.

Adakah Datuk sendiri sangka kejadian itu boleh berlaku?

Siapa sangka yang kapal terbang awam boleh digunakan sebagai senjata yang boleh memusnahkan yang boleh mendatangkan kematian beribu-ribu orang... pada masa dulu perkara ini tidak timbul. Jadi kita perlu persediaan dan cara kita menangannya dalam dunia yang dikatakan global ini kena berubah. Peperangan masa kini bukan lagi berbentuk konvensional, tapi ia berubah kepada bentuk pengumpulan maklumat, pengumpulan perisikan dan cara bertindak mereka yang ketara dan tidak ketara.

Jadi, di Malaysia kita ada pengalaman untuk kita jadikan sandaran. Perkara paling penting bagi kita ialah akhirnya, kita dapat menguasai pemikiran dan hati orang supaya mereka tidak berminat untuk memberi sokongan kepada golongan pelampau atau pengganas. Itu pengalaman yang kita gunakan. Tapi kita tengok masih banyak kekejaman dan kezaliman berlaku

seperti di Palestin, soal sekatan terhadap Iraq, perkara yang berlaku Bosnia, di Chechnya, soal yang tidak dirumuskan di Jammu, Kashmir.

Jadi soal-soal ini membolehkan kumpulan tertentu mendapat simpati dan berminat untuk bersama mereka bagi memperjuangkan agenda dan prinsip masing-masing. Soal seperti Palestin, Malaysia melihat kita patut 'address this issues' dan ia bukan membabitkan isu benci kepada AS atau tidak. Tetapi kita hendak tengok supaya ia tidak dijadikan sebagai isu perkauman, agama atau mengaitkan agama Islam misalnya dengan keganasan.

Malaysia sebenarnya sering mengambil tindakan pantas, sebab itu kita sudah ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan kita tidak menggunakannya untuk menganiaya sesiapa tetapi menggunakannya dengan cara berkesan, digunakan sebagai tindakan awal untuk menentukan supaya perkara yang buruk itu boleh dicegah sebelum ia berlaku... seperti keadaan huru hara yang boleh dicegah sebelum ia berlaku.

Datuk, Malaysia telah menangani masalah keganasan terutama membabitkan kumpulan Militan Malaysia (KMM), lebih awal iaitu sebelum kejadian 911 lagi. Adakah ini kerana kita memang sudah mengesan keseriusan tahap pergerakan kumpulan pergerakan Islam terutama KMM ini?

Kita sentiasa mengawasi pertubuhan dan individu tertentu melalui cara-cara yang digunakan bagi kita mengetahui keselamatan negara kita. Perkara ini terbongkar awal di Malaysia apabila kita dapat mengesan pergerakan dan rangkaian dan sistem yang agak tersusun, serta perancangan mereka terutama selepas kejadian pengeboman di Jakarta, Indonesia, di mana rakyat Malaysia turut terbabit.

Kita juga mendapat maklumat dan risalah bahawa mereka ini mempunyai matlamat untuk menjatuhkan kerajaan dengan menggunakan kekerasan atau melahirkan suasana huru hara untuk menjatuhkan kerajaan yang sah dengan cara yang tidak sah iaitu dengan cara membangkitkan kacau bilau dan huru hara.

Kita juga ikuti di mana kumpulan ini belajar dan berlatih dan kita lihat ada antara mereka yang belajar di Pakistan dan pernah berada di Afghanistan. Dengan itu kita dapat menghubungkan bahawa mereka mempunyai kaitan dengan kumpulan yang terancang dan kumpulan yang membangkitkan perasaan kemarahan rakyat terhadap kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Dan bila mereka mudah masuk dengan sikap pelampau mereka, mereka juga berjaya melahirkan ketidakpuasan hati rakyat dengan menganjurkan demonstrasi, membangkitkan kekeliruan, menakut-nakutkan. Tapi alhamdulillah, kita bertuah kerana cara kita bertindak terutama pihak berkuasa, kita mengikuti pergerakan kumpulan-kumpulan ini.

Ini bermakna tindakan kita pantas. Jika dulu orang merungut bahawa ini bertentangan dengan hak asasi dan hak individu, tetapi kini orang tidak melihat dari sudut itu lagi kerana yang dipentingkan ialah supaya tindakan mencegah dapat diambil kerana salah satu perkara yang menyebabkan kejadian 911 ialah kerana terlampau bebas sehingga kita tidak memerhati ancaman.

Selama ini kita melihat ancaman dalam konteks peperangan biasa saja, strategi perang saraf dan perang bawah tanah ini tidak dijejaki... dibiarkan begitu dan akhirnya berlaku kejadian tidak disangka. Sekarang, malahan United Kingdom sendiri sudah ada undang-undang anti keganasan.

Jadi pada saya, ini adalah satu pelajaran dan iktibar pada masyarakat antarabangsa bahawa mereka perlu menangani isu keganasan secara bersepadu dan tidak pula melahirkan prejudis terhadap negara-negara tertentu seperti mengaitkan negara Islam dengan keganasan.

Pegangan kerajaan Malaysia yang dipimpin Dr Mahathir, apabila kita bercakap dan menegur adalah secara berprinsip, mempunyai konsisten dan menunjukkan keberanian Malaysia untuk menegur.

Seperti apa yang berlaku di Afghanistan, kita mengutuk kejadian yang berlaku di New York dan Pentagon, tapi pada masa yang sama kita juga

mengatakan peperangan cara konvensional tidak akan menyelesaikan masalah. Kita takut orang awam akan menjadi mangsa dan kini terbukti kekhuatiran kita betul. Dan kita tengok apa yang berlaku di Afghanistan bukan saja orang awam terbunuh, tapi akses untuk kita membantu golongan yang tertekan kepada makanan dan keadaan yang membawa kemudahan dan kesengsaraan juga adalah sukar.

Dalam era dunia yang penuh dengan teknologi canggih, kaya dengan hasil bumi, tetapi kita masih melihat manusia mati kelaparan, terpaksa makan hanya rumput rampai kerana tidak ada akses pada makanan. Ini menunjukkan perlu ada kesegeraan untuk mengatasi soal kemiskinan yang berlaku di merata tempat dan sumber kewangan perlu disalurkan dengan betul.

Selepas serangan AS ke atas Afghanistan, ia mencetus kebencian di kalangan umat Islam termasuk di Malaysia...

Saya fikir adalah tidak tepat jika kita memandang mereka sebagai musuh. Itu adalah tanggapan yang salah. Tidak bersetuju tidak bermakna kita anti, tidak bersetuju tidak bermakna kita bermusuhan. Kita mungkin mempunyai pegangan-pegangan tertentu dan pegangan kita mempunyai rasional. Bukan kita membuat keputusan berasaskan emosi. Kita cuma takut orang yang tidak berdosa yang menjadi sasaran dan mangsa... dan ini terbukti betul.

Pada saya, AS dengan kejadian 9/11, pendekatan dasar luarnya ada juga perubahan, sikap dia juga ada perubahan. Kalau dulu bertindak ikut suka hati tetapi sekarang ia tidak bertindak demikian, walaupun ia sebuah kuasa besar, lagi mempunyai kemampuan.

Sekarang dengan susah payah, ia cuba menerangkan kepada masyarakat antarabangsa akan tindakan yang diambil... walaupun ada yang kita tidak setuju. Maknanya, ia tidak ketepikan pandangan orang lain. Ini adalah sesuatu yang baik terutama dalam dunia global, di mana negara semakin dekat antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan, lebih-lebih lagi dalam soal keganasan.

Begitu juga orang dan Kerajaan AS tidak boleh menganggap bahawa orang Islam membenci mereka, tetapi kita membenci kezaliman, penindasan dan kita berasaskan ada perkara yang AS selaku kuasa besar terulung dalam dunia masa kini boleh mengambil tindakan... seperti isu di Palestin. Jadi nampak ada pengamalan yang selektif, yang tidak berteraskan kepada sama ada perkara itu betul atau tidak betul, yang berasaskan keseimbangan di dalam kita menguruskan soal-soal antarabangsa, sebaliknya lebih berasaskan kepada kepentingan ekonomi dan strategik.

Ini yang kadang-kadang kita kritik, bukan kita bermusuhan. Tindakan seperti untuk menyalahkan semua negara Islam sebagai pengganas atau keganasan hanya menjadi hak milik orang Islam dan negara Islam, adalah menyimpang dari kebenaran walaupun orang yang melakukan itu mungkin terdiri daripada orang Islam. Kerana kita juga tahu banyak kumpulan pelampau yang wujud di Eropah kerana bencikan orang kerana kaum, agama. Amerika sendiri mempunyai rekod keganasan yang banyak. Jadi, di merata dunia ada kumpulan keganasan tetapi ia tidak dikaitkan dengan penganutan dan agama mereka. Tapi bila datang orang Islam, ia terus dikaitkan dengan agama dan ini menyusahkan dan menyulitkan kita. Di dalam kejadian ini kita harap orang Islam sendiri sedar bahawa kita sendiri mempunyai peranan untuk menukar persepsi, sikap dan pandangan dunia terhadap masyarakat Islam.

Bagaimana pula pandangan Datuk terhadap kumpulan di negara ini yang menyemarakkan semangat supaya membenci AS?

Mereka itu talam dua muka dan double standard. Apabila hendak mengutuk Malaysia, mereka pergi ke AS dan negara-negara Barat untuk mendapat bantuan dan simpati. Pada kita, golongan yang tidak mengutuk kumpulan pelampau, tidak mengutuk kejadian ganas bukan pilihan rakyat Malaysia untuk menjadi kerajaan pada masa depan.

Kalau dulu mungkin ada negara di atas sikap demokrasi mereka berminat dengan kumpulan ini, tapi sekarang mereka (negara terbabit) mungkin memikir semula kerana bila tengok golongan itu (pembangkang) tidak pernah secara terbuka condemn (mengutuk) keganasan yang berlaku dan apabila ada orang buat sesuatu yang ganas, mereka seolah-olah menyokong perkara itu... dan ini kita persoalkan.

Dan ada di kalangan ahli parti mereka (pembangkang) yang juga menjadi ahli kepada ahli kumpulan yang ingin menegakkan kekuasaan politik mereka melalui penggunaan keganasan. Mereka mempamerkan keagamaan sedangkan tindakan mereka tidak langsung selari dan selaras dengan agama.

Jadi kumpulan ini lebih merbahaya kepada kita. Mereka berpura-pura untuk mendapat kuasa dan membayangkan seolah-olah mereka ini bukan golongan pelampau, golongan sederhana tetapi sebenarnya yang mengamalkan kesederhanaan ialah kerajaan kita. Sebenarnya, kita banyak bersabar, kalau kita hendak mengambil tindakan pun kita banyak berfikir... kita tidak mahu membuat penganiayaan dan kezaliman.

Datuk, parti Pas ke Pakistan bagi membantu rakyat Afghanistan adalah atas tiket parti, bukan di bawah bendera Malaysia. Bagaimana Datuk sebagai Menteri luar melihat perkara ini terutama apabila aktiviti mereka dibesarkan oleh lidah parti itu, Harakah, sedangkan bantuan kerajaan yang turut dibantu parti pemerintah Umno tidak digembar-gemburkan.

Itulah yang saya cakap bahawa Pas ini kurang dia punya Islam. Orang Islam kalau dia buat apa-apa kerja kebajikan kita tidak gah-gah sangat, kita tidak cakap. Ini dia palu gendang seolah-olah untuk menunjukkan dia saja (yang buat)... dia lupa bahawa kerajaan Malaysia juga memberi sokongan pada kumpulan sukarela. Parti Umno sendiri melalui Pemuda kita hantar bantuan, di samping itu lain-lain badan sukarela turut serta. Kerajaan sendiri menghantar pasukan sukarela termasuk pasukan perubatan dari Angkatan Tentera tanpa diminta.

Antara lain kita wujudkan klinik di Chaman di sempadan Afghanistan yang menjadi tumpuan 200-300 pelarian setiap hari. Itu semua kita gunakan belanja sendiri, tapi sebab kita anggap ini sumbangan kita kepada kesengsaraan orang lain dan kita bersimpati dengan mereka, kita tidak payah bercakap macam Pas. Pas nak cari political mileage, setiap kali buat (aktiviti) dia cari political mileage.

Keadaan dan sikap ini berbahaya. Lihat apabila berlaku kejadian al-Maunah dia cakap sandiwara. Ini boleh membangkitkan salah faham dan kerana ia menggunakan label parti sebagai label Islam. Mereka membangkitkan perkara yang mereka tahu tidak boleh dibuat iaitu membohongi rakyat.

Mereka cakap sandiwara... kita nak sandiwara apa? (Adakah) Dia nak samakan kita dengan Nazi (tentera Jerman pada Perang Dunia Kedua), samakan kita dengan benda lain... ini adalah satu sandiwara paling besar.

Jadi soalan kita kepada Pas sekarang ialah siapa yang bersandiwara. Pada saya yang paling banyak bersandiwara ialah Pas. Kita (sebagai) kerajaan terdedah dan terbuka. Pas bersandiwara dalam banyak perkara seperti salah gunakan ayat al-Quran, agama, buat janji macam-macam pada rakyat sedangkan dia tahu dia tak boleh laksanakan... dan itu adalah sandiwara Pas dan kita tahu kita patut dedahkan ini.

Saya fikir orang luar pun dah mula faham, lebih-lebih lagi selepas kejadian 911 orang mula memerhati dan mulai nampak bahawa kerajaan kita sebenarnya adalah sebuah kerajaan Islam yang sederhana, jujur dan ikhlas dan begitu bermurah hati serta membuka pintu untuk sesiapa saja bekerjasama dan saling memberi bantuan di antara satu sama lain.

(END)